

**Peruntukan Bantuan Rumah Orang Asli Dinaikkan Kepada RM40,000 - Shafie Apdal Bernama
24 Januari, 2012**

JERANTUT, 24 Jan (Bernama) -- Bermula tahun ini, peruntukan bantuan rumah bagi Orang Asli dinaikkan daripada RM33,000 kepada RM40,000 seunit, kata Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Beliau berkata setiap rumah akan dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk bekalan air dan elektrik.

Sebanyak RM16 juta diperuntukkan untuk membina dan membaik pulih rumah Orang Asli di seluruh negara tahun ini, katanya kepada pemberita selepas perjumpaan dengan penduduk Orang Asli, di Kampung Tembeling Tengah, dekat sini.

Katanya kerajaan juga sedang menggubal undang-undang bagi mengeluarkan geran tanah kepada Orang Asli.

"Apabila diluluskan di Parlimen nanti, mereka akan memiliki geran tanah sendiri apabila tanah itu telah diwartakan menjadi milik mereka," katanya.

Mengenai isu lain berkaitan kementeriannya, Mohd Shafie berkata 1,000 lagi kelas Taman Bimbingan (Tabika) Kemas akan dibuka di seluruh negara tahun ini bagi memenuhi keperluan berikutan sambutan memberangsangkan daripada ibu bapa.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641953>